



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**INDEKS HARGA PENGELOUAR (IHPR) PENGELOUARAN TEMPATAN, MALAYSIA  
SEPTEMBER 2023**

---

**Indeks Harga Pengeluar Malaysia meningkat marginal 0.2 peratus pada September 2023, selepas penurunan tujuh bulan berturut-turut**

**PUTRAJAYA, 26 Oktober 2023** – Indeks Harga Pengeluar Malaysia yang mengukur harga barang di pintu kilang, meningkat 0.2 peratus pada September 2023 berbanding negatif 2.2 peratus pada Ogos 2023, Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan hari ini dalam laporan bulanan terbaharu iaitu **INDEKS HARGA PENGELOUAR (IHPR) PENGELOUARAN TEMPATAN, SEPTEMBER 2023**. Ini merupakan peningkatan pertama selepas penurunan tujuh bulan berturut-turut sejak Februari 2023 disebabkan oleh kesan asas dan harga komoditi utama yang lebih tinggi.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin mengulas, “Peningkatan marginal ini disumbangkan oleh semua sektor kecuali sektor Pembuatan. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 3.2 peratus (Ogos 2023: -1.0%) disebabkan oleh peningkatan dalam Pengeluaran ternakan (5.7%) dan Penanaman tanaman kekal (3.3%). Pada masa yang sama, sektor Perlombongan meningkat sebanyak 6.9 peratus selepas mencatatkan negatif 3.8 peratus pada bulan sebelumnya, disokong oleh Pengekstrakan petroleum mentah (8.1%) dan Pengekstrakan gas asli (2.7%). Kedua-dua sektor utiliti mencatatkan peningkatan, dengan sektor Bekalan elektrik & gas meningkat 0.5 peratus dan Bekalan air meningkat sebanyak 0.9 peratus. Manakala sektor Pembuatan kekal negatif lima bulan berturut-turut mencatatkan negatif 0.8 peratus (Ogos 2023: -2.3%), dipengaruhi oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-7.1%) dan Pembuatan produk makanan (- 5.3%).”

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 0.9 peratus pada September 2023 selepas tiada perubahan yang dicatatkan pada Ogos 2023. Sektor Perlombongan meningkat sebanyak 5.6 peratus disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (6.6%) dan Pengekstrakan gas asli (1.9%). Sektor Pembuatan mencatatkan peningkatan kecil 0.8 peratus selepas merekodkan perubahan negatif sejak Mei 2023, disebabkan oleh Pembuatan produk petroleum bertapis (6.1%) dan Pembuatan komputer & kelengkapan peranti (2.8%). Selain itu, sektor Bekalan elektrik & gas juga meningkat 0.4 peratus. Walau bagaimanapun, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan turun negatif 1.4 peratus dengan indeks Penanaman tanaman kekal mencatatkan penurunan negatif 2.3 peratus. Sektor Bekalan air juga mencatatkan penurunan sebanyak negatif 0.4 peratus pada bulan ini."

Mengulas mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya meningkat 5.4 peratus pada September 2023 (Ogos 2023: -4.0%), dengan indeks Bahan bukan makanan dan Bahan makanan & makanan untuk binatang masing-masing mencatatkan peningkatan sebanyak 5.9 peratus dan 3.0 peratus. Indeks Barang siap kekal positif untuk mencatatkan 3.1 peratus, disebabkan oleh peningkatan dalam Kelengkapan modal (4.4%) dan Barang pengguna siap (1.2%). Sebaliknya, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun negatif 2.7 peratus (Ogos 2023: -3.7%) disebabkan oleh indeks Bahan api yang diproses & pelincir (-8.2%) dan Bahan & komponen untuk pembuatan (-4.3%)."

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya, Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap dan masing-masing meningkat sebanyak 3.9 peratus, 0.2 peratus dan 0.1 peratus pada September 2023.

Ketua Perangkawaran Malaysia juga menjelaskan bahawa IHPR Pengeluaran Tempatan terus menurun sebanyak negatif 1.4 peratus pada suku tahun ketiga 2023 (ST2 2023: -4.1%). Penurunan ini disebabkan oleh sektor Perlombongan (-2.8%) dan Pembuatan (-1.7%). Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan meningkat 2.0 peratus, dan kedua-dua sektor Bekalan air dan Bekalan elektrik & gas masing-masing meningkat sebanyak 2.3 peratus dan 0.2 peratus. Walau bagaimanapun, perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan bahawa IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat marginal 0.1 peratus (ST2 2023: -0.1%).

Perbandingan dengan negara lain, IHPR Amerika Syarikat meningkat 2.2 peratus berbanding 2.0 peratus pada Ogos 2023, tertinggi sejak April 2023. IHPR Jepun juga meningkat 2.0 peratus, perlahan daripada peningkatan 3.3 peratus pada bulan sebelumnya disebabkan oleh penyederhanaan dalam kos peralatan pengangkutan dan minuman & makanan. Sementara itu, harga pengeluar China terus turun 2.5 peratus berbanding penurunan 3.0 peratus pada bulan sebelumnya, didorong oleh penurunan yang lebih perlahan dalam semua kategori, termasuk pemprosesan, bahan mentah dan perlombongan & kuari. Inflasi pengeluar India juga mencatatkan penguncupan yang lebih kecil 0.3 peratus (Ogos 2023: -0.5%), terutamanya disebabkan oleh penurunan dalam bahan kimia & produk kimia, logam asas dan produk makanan.

Secara keseluruhan, IHPR Malaysia menurun sebanyak 2.1 peratus dalam tempoh sembilan bulan pertama 2023 berbanding tahun lepas disebabkan ketidaktentuan komoditi utama Malaysia, khususnya produk minyak sawit dan minyak mentah. Harga minyak purata USD94 setong pada September 2023, meningkat daripada USD75 pada Jun 2023, dan dijangka terus meningkat pada ST4 2023 berdasarkan *Trading Economics*. Harga minyak juga diunjurkan purata USD98 setong pada 12 bulan yang akan datang selepas negara-negara OPEC melanjutkan pemotongan bekalan minyak mentah secara sukarela. Berdasarkan *Commodity Research Bureau (CRB) Index* juga, harga komoditi keseluruhan meningkat daripada sekitar indeks 290 pada Jun kepada 320 pada September 2023, terutamanya didorong oleh kenaikan harga minyak mentah. Faktor lain, seperti kekurangan bekalan pertanian akibat perang Rusia-Ukraine dan keadaan cuaca yang buruk dijangka mengekalkan ketidakstabilan harga komoditi pada 2023.


DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. "Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian."


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan".

Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 26 Oktober 2023

## Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia



## Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 26 Oktober 2023


### Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



### Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



Embargo : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Khamis, 26 Oktober 2023



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
26 OKTOBER 2023**



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**

**PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA**

**SEPTEMBER 2023**

---

***Malaysia's Producer Price Index increased marginally by 0.2 per cent in September 2023, after seven consecutive months of decline***

**PUTRAJAYA, 26<sup>th</sup> October 2023** – Malaysia's Producer Price Index, which measures the prices of goods at the factory gate, increased by 0.2 per cent in September 2023 as compared to negative 2.2 per cent in August 2023, the Department of Statistics Malaysia reported today in its latest monthly report of the **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, SEPTEMBER 2023**. This is the first increase after seven consecutive months of decline since February 2023, due to the base effect and higher prices of primary commodities.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin commented that, "The marginal increase was contributed by all sectors except the Manufacturing sector. The Agriculture, forestry & fishing sector increased by 3.2 per cent (August 2023: -1.0%) due to the increase in Animal production (5.7%) and Growing of perennial crops (3.3%). At the same time, the Mining sector increased by 6.9 per cent after recording a negative 3.8 per cent in the previous month supported by Extraction of crude petroleum (8.1%) and Extraction of natural gas (2.7%). Both utility sectors recorded incline, with the Electricity & gas supply sector increased 0.5 per cent and the Water supply increased by 0.9 per cent. Meanwhile, the Manufacturing sector remained negative for five consecutive months recording a negative 0.8 per cent (August 2023: -2.3%), affected by Manufacture of coke & refined petroleum products (-7.1%) and Manufacture of food products (-5.3%)."

*He further explained, "On a monthly basis, PPI Local Production went up by 0.9 per cent in September 2023 after no changes recorded in August 2023. The Mining sector increased by 5.6 per cent owing to Extraction of crude petroleum (6.6%) and Extraction of natural gas (1.9%) indices. The Manufacturing sector increased slightly by 0.8 per cent after recording negative changes since May 2023, attributed to Manufacture of refined petroleum products (6.1%) and Manufacture of computers & peripheral equipment (2.8%). Similarly, the Electricity & gas supply sector also inched up 0.4 per cent. However, the Agriculture, forestry & fishing sector declined by negative 1.4 per cent with the index of Growing of perennial crops posting a decrease of negative 2.3 per cent. The Water supply sector also recorded a decrease of negative 0.4 per cent in this month."*

*Commenting on the PPI Local Production by stage of processing, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, "The Crude materials for further processing index increased by 5.4 per cent in September 2023 (August 2023: -4.0%), with Non-food materials and Foodstuffs & feedstuffs indices posting an increase of 5.9 per cent and 3.0 per cent, respectively. The Finished goods index remained positive to post 3.1 per cent, due to the increase in Capital equipment (4.4%) and Finished consumer goods (1.2%). On the other hand, the Intermediate materials, supplies & components index dropped by negative 2.7 per cent (August 2023: -3.7%) due to Processed fuel & lubricants (-8.2%) and Materials & components for manufacturing (-4.3%) indices."*

*On a monthly basis, Crude materials for further processing, Intermediate materials, supplies & components and Finished goods indices increased by 3.9 per cent, 0.2 per cent and 0.1 per cent, respectively in September 2023.*

*The Chief Statistician Malaysia also explained that the PPI Local Production continued to decline by negative 1.4 per cent in the third quarter of 2023 (Q2 2023: -4.1%). The decline was attributed to Mining (-2.8%) and Manufacturing (-1.7%) sectors. On the contrary, the Agriculture, forestry and fishing increased by 2.0 per cent, and both Water supply and Electricity & gas supply sectors recorded increases of 2.3 per cent and 0.2 per cent, respectively. However, a quarter-on-quarter comparison showed that PPI Local Production marginally inclined by 0.2 per cent (Q2 2023: -0.1%).*

*In comparison with some countries, PPI of the United States of America went up 2.2 per cent as against to 2.0 per cent in August 2023, the highest since April 2023. Japan's PPI also rose by 2.0 per cent, slowing from an increase of 3.3 per cent in the previous month*

*due to a moderation in the cost of transport equipment and beverages & food. Meanwhile, China's producer price continued to decline by 2.5 per cent from a drop of 3.0 per cent in the previous month, driven by softer decreases in all categories, including processing, raw materials and mining & quarrying. Similarly, India's producer inflation registered a smaller contraction by 0.3 per cent (August 2023: -0.5%), mainly due to the decline in chemicals & chemical products, basic metals, and food products.*


*Overall, the Malaysia's PPI decreased by 2.1 per cent in the first nine months of 2023 as compared to last year due to the volatility of Malaysia's main commodities, particularly palm oil products and crude oil. Oil prices averaged USD94 per barrel in September 2023, an increase from USD75 in June 2023, and is expected to increase further in the Q4 2023 based on Trading Economics. Looking ahead 12 months, oil prices are projected to average USD98 per barrel after the OPEC countries extended their voluntary supply cut of crude oil. Meanwhile, according to the Commodity Research Bureau Index (CRB) Index, overall commodity prices increased from around 290 in June to 320 index in September 2023, mainly driven by the increase in the price of crude oil. Other factors, such as the shortage of agricultural supplies due to the Russia-Ukraine war and adverse weather patterns, are expected to keep price of commodities unstable in 2023.*

*DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. "Agriculture Census, Key to Agriculture Development."*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".*


**Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia**




**Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia**




**Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia**



**Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)**





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA  
26<sup>th</sup> OCTOBER 2023**